

PM hadir Forum Ekonomi Sedunia hari ini

um - 24/1/2007

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadiri Forum Ekonomi Sedunia di Davos, Switzerland, yang akan berlangsung dari 24 hingga 28 Januari ini.

Mesyuarat tahunan itu yang menumpukan perbincangan berkisar isu tenaga, membawa tema Peralihan Persamaan Kuasa dan disertai 2,400 peserta serta 24 ketua kerajaan dan ketua negara.

Menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini, Perdana Menteri akan menyertai dua sidang pleno dan juga sesi sarapan sambil bekerja.

"Pada sidang pleno yang dijadual pada 25 Januari, Perdana Menteri dijemput menyampaikan ucap ternaik bertajuk *Peraturan bagi Kejiranan Global dalam Dunia Pelbagai Budaya*.

"Keesokannya, Abdullah bersama Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dun akan menyertai satu lagi sidang pleno bertajuk *40 Tahun ASEAN - Masa Depan Baru*," menurut kenyataan itu.

Pada 27 Januari pula, kenyataan tersebut memberitahu, Perdana Menteri akan menyertai sesi sarapan sambil bekerja membincangkan topik 'Arahan Dasar Amerika Syarikat (AS) Ekoran Pilihan Raya Separuh Penggal Kongres'.

Pada petang, beliau akan menganjurkan Majlis Makan Malam bagi mesyuarat tersebut yang merupakan acara ala Malaysia dengan tema Malaysia Sedang Melangkah, tambah kenyataan itu.

"Pada Forum Ekonomi Sedunia ini akan menyaksikan, buat pertama kalinya, persembahan kebudayaan Malaysia selama setengah jam, persembahan muzik oleh artis terkemuka tempatan dan sajian makanan Malaysia yang disediakan oleh pakar masak terkenal.

"Majlis Makan Malam itu diadakan sebagai usaha mempromosikan Malaysia sempena sambutan Tahun Melawat Malaysia 2007," kata kenyataan itu.

Abdullah juga dijadual mengadakan pertemuan dengan Raja Jordan, Raja Abdullah; Presiden Switzerland, Michelle Calmy-Rey; Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz dan Perdana Menteri Ukraine, Victor Yanukovych sebagai acara sampingan semasa forum itu.